



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	7/4/2021	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



KAWASAN Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras di Raub, Pahang yang diteroka secara haram untuk menanam pokok pisang, durian Musang King dan Duri Hitam seluas kira-kira 16.2 hektar.

Pejabat Hutan tebang 5,300 pokok

RAUB: Sebanyak 5,300 pokok pisang, durian Musang King dan Duri Hitam dimusnahkan oleh Pejabat Hutan Daerah (PHD) Raub selepas ditanam secara haram di atas tanah seluas kira-kira 16.2 hektar di Kompartmen Satu, Hutan Simpan Sempam, Mukim Tras di sini.

Operasi bermula semalam itu dijangka mengambil masa selama empat hingga lima hari bergantung keadaan cuaca yang tidak menentu kini.

Sebanyak 4,000 pokok pisang dan 1,300 pokok durian

jenis Musang King serta Duri Hitam ditebang menggunakan parang oleh anggota jabatan itu.

Pegawai Pejabat Hutan Raub, Shahril Mohamad berkata, pihaknya mendapati kawasan terbahagi diteroka dengan tanaman pisang jenis berangan dan sematu berusia empat bulan sementara durian Musang King dan Duri Hitam pula berusia tiga bulan.

Menurutnya, selain tanaman berkeajaan, pihaknya meroboh sebuah pondok atau rumah kongsi sementara dipercayai

tempat tinggal 10 hingga 15 pekerja ladang berkenaan yang bekerja dengan tiga individu.

“Sewaktu operasi, tiada kelibat pekerja ladang di situ dan kami percaya mereka terlebih dahulu bertindak meninggalkan tempat itu sebelum serbuan.

“Operasi bermula pukul 9 pagi semalam disertai oleh 14 kakitangan pejabat Hutan dibantu Unit Tindakan Khas (UTK) Raub dan dua anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM),” katanya di sini hari ini.